

KURSUS EPS 211
MASYARAKAT DAN PERUBAHAN

TAJUK :
ADAT PERPATIH - PERBANDINGAN ANTARA SUKU
PAYA KUMBUH DENGAN SUKU BIDUANDA
DI LUAK ULU MUAR

PENSYARAH :
EN. NURHALIM HJ. IBRAHIM

KUMP. 35
PENULIS

SULAIMAN B. HJ. BAHARIN	(43735)
FADILAH BTE IDRIS	(44017)
SALIM B. ATAN	(41876)
RAMLAN BT. HJ. AMIN	(42589)
JASUDIN B. MAMAT	(41799)

FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR

08 SEPTEMBER 1995

KURSUS EPS 211
MASYARAKAT DAN PERUBAHAN

TAJUK:
ADAT PERPATIH - PERBANDINGAN ANTARA SUKU
PAYA KUMBUH DENGAN SUKU BIDUANDA
DI LUAK ULU MUAR

PENULIS:

SULAIMAN B. HJ. BAHARIN	(43735)
FADILAH BTE IDRIS	(44017)
SALIM B. ATAN	(41876)
RAMLAH BT HJ. AMIN	(42589)
JASUDIN B. MAMAT	(41799)

FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG SELANGOR

08 SEPTEMBER 1995

PRAKATA

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Segala puji-pujian ke atas Allah SWT dan junjungan besar

Nabi Muhammad SAW

Terlebih dahulu ingin dipanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya kami telah dapat menyempurnakan tugas dan penulisan ini dengan jaya. Tugas berkumpulan dan penulisan ini dihasilkan bagi memenuhi syarat Kursus EPS 211 Masyarakat dan Perubahan bagi semester 1 ini.

Sesungguhnya kejayaan penghasilan penulisan ini adalah hasil kerjasama dan gabungan tenaga dan fikiran semua ahli kumpulan yang bertungkus lumus untuk mencari dan mengumpul maklumat bagi memenuhi maksud tajuk tugas ini iaitu Adat Perpatih: Perbandingan Antara Suku Paya Kumbuh Dengan Suku Biduanda Di Luak Ulu Muar, Negeri Sembilan.

Kesempatan ini juga diambil bagi merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Penyelaras Kursus ini iaitu Encik Nurhalim Hj. Ibrahim yang turut menyumbangkan buah fikiran serta tunjuk ajar bagi menyempurnakan penulisan ini. Tidak lupa juga kepada dua orang sumber utama iaitu Dato' Hj. Idris Tain dan Dato' Jong Kaya Hj. Mohammad B. Said yang banyak memberi maklumat tentang suku Paya Kumbuh dan suku Biduanda Waris kepada kumpulan ini semasa ditemu ramah. Tidak lupa juga kepada seluruh keluarga mereka di atas layanan mesra semasa kunjungan muhibah kami.

Akhir kata, adalah diakui bahawa penulisan ini masih belum sempurna dan mantap. Oleh itu, sebarang teguran membina amatlah diperlukan bagi memperbaiki penulisan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

Penulis:

Sulaiman B. Hj. Baharin (43735)

Fadilah Bte Idris (44017)

Salim B. Atan (41876)

Ramlah Bt Hj. Amin (42589)

Jasudin B. Mamat (41799)

Universiti Pertanian Malaysia
Serdang, Selangor.

08 September 1995

ISI KANDUNGAN

	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	PENDAHULUAN	1
1.1	Adat Perpatih Secara Umum	3
1.2	Ruang Lingkup	5
1.3	Batasan Kajian	5
1.4	Kaedah Kajian	5
2.0	SEJARAH LUAK ULU MUAR	8
2.1	Pengenalan	8
2.2	Asal-usul Nama Luak	8
2.3	Sejarah Ulu Muar	14
2.3.1	Persempadanan Ulu Muar	17
2.3.2	Penduduk Asal	19
2.3.3	Kedatangan Orang Minang- kabau	21
2.4	Pentadbiran Luak	24
2.4.1	Fungsi Lembaga dan Buapak	26
2.4.2	Pesaka Penghulu Luak	27
3.0	SUKU PAYA KUMBUH	33
3.1	Asal-usul	33
3.2	Sistem Pentadbiran	35

3.2.1	Pesaka Lembaga	36
3.2.2	Tugas Utama Dato' Lembaga	38
3.2.3	Proses Kerjan	39
3.3	Adat Istiadat	40
3.3.1	Perkahwinan	40
3.3.2	Mas Kahwin	43
4.0	SUKU BIDUANDA	44
4.1	Asal Usul/Latar Belakang Suku Biduanda Di Ulu Muar	45
4.2	Struktur Organisasi Pentadbiran	46
4.3	Adat Istiadat	47
4.3.1	Mas Kahwin	47
4.3.2	Kahwin Sesama Suku	47
5.0	PERBANDINGAN ANTARA SUKU PAYA KUMBUH DENGAN SUKU BIDUANDA WARIS	49
5.1	Taraf Suku	49
5.2	Struktur Organisasi Pentadbiran	50
5.3	Gelaran-gelaran	52
5.4	Adat Istiadat	53
5.4.1	Mas Kahwin	53
5.5.2	Kahwin Sesuku	54
6.0	KESIMPULAN	55

DAFTAR RAJAH

1. Peta Luak Ulu Muar
2. Salasilah Keturunan Pembesar di Negeri Sembilan
3. Salasilah Keturunan Keluarga Minangkabau di Ulu Muar
4. Struktur Organisasi Pentadbiran Adat Luak Ulu Muar
5. Senarai Pesaka Penghulu Luak Ulu Muar
6. Rajah Senarai Buapak Suku Paya Kumbuh di Ulu Muar
7. Senarai Penyandang Pesaka Lembaga Suku Paya Kumbuh di Luak Ulu Muar
8. Kadar Mas Kahwin Dalam Suku Paya Kumbuh
9. Struktur Organisasi Pentadbiran Suku Biduanda di Luak Ulu Muar
10. Kadar Mas Kahwin Luak Ulu Muar (Suku Biduanda)
11. Struktur Organisasi Pentabiran
12. Perbandingan Gelaran-gelaran Antara Suku Paya Kumbuh dengan Suku Biduanda
13. Perbandingan Kadar Mas Kahwin Antara Suku Paya Kumbuh dengan suku Biduanda

BAB TIGA

3.0 SUKU PAYA KUMBUH

3.1 Asal-Usul

Suku Paya Kumbuh merupakan salah satu suku yang terdapat di Negeri Sembilan amnya dan di Luak Ulu Muar khasnya. Sejarah perkembangannya dikatakan bermula dari Rembau pada awal abad ke-19. Mereka datang terkemudian sedikit daripada kumpulan pertama yang meneroka Ulu Muar sekitar awal abad ke-18. Ketika Ulu Muar diteroka oleh orang-orang Minangkabau, memang sudah ramai yang telah menetap di Rembau dan Naning seperti catatan pegawai Portugis di Melaka iaitu, Godinho d' Aredia.

Dalam catatan beliau, tahun 1613, Naning disebutkan sebagai wilayah Portugis yang ramai didiami oleh orang-orang Minangkabau termasuk Rembau yang bersempadan. Perpindahan orang-orang Minangkabau ke Luak Ulu Muar bukan sahaja disebabkan mencari tempat baru untuk penempatan bahkan juga Luak Rembau menghadapi pergolakan yang begitu meruncing pada awal abad ke-18. Krisis Undang Luak Rembau iaitu antara Dato' Bogok dengan Yamtuan Muda Raja Asil memuncak pada tahun 1815 berikutan langkah Yamtuan Muda itu menyokong Yamtuan Muda Riau, Daeng Chelak melarikan anak

perempuan Dato' Undang.

Luak Rembau juga terbabit dengan Perang Naning 1831 apabila Undang Luak Rembau Dato' Nganit membantu Dato' Naning Dol Said memerangi Inggeris di Melaka. Orang-orang Minangkabau daripada suku Paya Kumbuh ini antara kumpulan yang berpindah ke Ulu Muar mencari tempat yang selamat. Mengikut pendapat Dato' Haji Idris Tain, Dato' Lembaga Suku Paya Kumbuh mengatakan bahawa Suku Paya Kumbuh merupakan suku yang agak 'pengecut' (satu istilah) sehingga semasa perang, suku Paya Kumbuh telah melarikan diri ke Ulu Muar.

Semasa perpindahan itu ramai kaum kerabat berpindah terutamanya saudara perempuan. Akhirnya mereka telah berpecah kepada lapan perut iaitu :

- i. 5 perut ke Ulu Muar
- ii. 1 perut ke Jempol
- iii. 1 perut ke Johol
- iv. 1 perut ke Ulu Pasir

Lima perut yang bertandang ke Ulu Muar itu ialah

- i. Perut Bemban
- ii. Perut Perigi Jernih
- iii. Perut Senaling

iv. Perut Masjid Terbakar

v. Perut Ulu Pilah

Sama seperti suku-suku yang lain lembaga Suku Paya Kumbuh juga dibantu oleh lima orang buapak yang mengetuai perut masing-masing. Lima orang buapak tersebut ialah

Rajah 6: SENARAI BUAPAK SUKU PAYA KUMBUH
DI ULU MUAR

PERUT	GELARAN
Bemban	To' Panglima Perang
Perigi Jernih	To' Raja Balang
Senaling	To' Laksamana
Masjid Terbakar	To' Mangku
Ulu Pilah	To' Jaya

3.2 Sistem Pentadbiran

Suku Paya Kumbuh ini diketuai oleh seorang Dato' Lembaga yang mana beliau pula akan dibantu pula oleh lima orang Buapak yang mewakili lima perut dalam lingkungan suku Paya Kumbuh di Luak Ulu Muar ini.

Perlantikan Dato' Lembaga dan Buapak adalah secara perundingan dan dipilih secara giliran mengikut perut. Anak buah dalam satu-satu perut akan berunding dan mencalonkan salah seorang daripada mereka sebagai Buapak. Kemudian buapak yang telah dilantik pula akan berunding dan memilih salah seorang daripada lima orang buapak yang mewakili perut masing-masing. Gelaran bagi Dato' Lembaga Suku Paya Kumbuh ini ialah Dato' Senara Kaya.

Dalam proses pemilihan pesaka lembaga ini kadang-kadang menimbulkan sedikit masalah iaitu perut yang berpe-
ngaruh kuat tetap akan terpilih walaupun bukan gilirannya. Namun demikian tidak ada campur tangan dari orang luar termasuk Dato' Penghulu Luak Ulu Muar sendiri. Pemilihan Dato' Senara Kaya adalah mengikut lunas-lunas yang sah sebagaimana kata perbilangan adat:

Bulat perut menjadikan buapak
Bulat buapak menjadikan lembaga
Bulat lembaga menjadikan Penghulu Luak.

3.2.1 Pesaka Lembaga

Cara penyandang pesaka lembaga suku Paya Kumbuh ialah dengan cara bergilir-gilir iaitu bermula dari Perut Bemban hinggalah kepada Perut Ulu Pilah. Sekarang, jawatan

pesaka lembaga yang ke 9 disandang oleh Dato' Haji Idris bin Tain dari Perut Masjid Terbakar. Sebagai Dato' Lembaga, beliau turut diberi ganjaran oleh kerajaan negeri. Menurut Dato' Haji Idris Tain, beliau telah memegang pesaka lembaga ini sejak 4 Mei 1965 iaitu ketika masih bertugas dalam perkhidmatan polis dan telah menerima elaun sebanyak RM 26.40 sebulan. Sehingga ke hari ini kadar bayaran elaun ini telah mengalami dua kali perubahan iaitu kepada kadar RM 56.40 dan yang terkini ialah sebanyak RM 90.00 sebulan.

Sebagai Dato' Lembaga, beliau turut terlibat dalam perbicaraan di 'makhamah adat' yang membabitkan anak-anak buah dalam lingkungan suku Paya Kumbuh. Dalam hal ini, Dato' turut diberi elaun perbicaraan sebanyak RM 20.00 setiap kali kes perbicaraan yang dihadiri beliau.

Urutan penyandang pesaka lembaga suku Paya Kumbuh adalah seperti berikut:

Rajah 7: SENARAI PENYANDANG PESAKA LEMBAGA
SUKU PAYA KUMBUH DI LUAK ULU MUAR

Gelaran Pesaka	DATO' SENARA KAYA				
Perut	Bemban	Perigi Jernih	Senaling	Masjid Terbakar	Ulu Pilah
Penyandang secara kronologi	1. Samsura	2. Lisa	3. Budu	4. Rasip	5. Jaudin
	7. Kedah	8. Tahar		6. Haji Osman	
				9. Haji Idris b. Tain	
Gelaran Buapak	To' Panglima	To' Raja Balang	To' Laksamana	To' Mangku	To' Jaya

3.2.2 Tugas Utama Dato' Lembaga

Secara ringkasnya, tugas-tugas utama Dato' Lembaga dapat dirumuskan seperti berikut;

a. Menjaga anak buah dari segi:

- i. Tanah adat
- ii. Perkelahian dan sebagainya yang ada kaitan

dengan anak buah.

b. Nikah Kahwin

- i. Andainya perjalanan perkahwinan itu berjalan dengan baik dan mengikut adat dipanggil "Pinang Jujur"
- ii. Adat bersalah-salahan (orang lelaki naik ke rumah perempuan)- kalau mengikut adat, pasangan ini mesti dikahwinkan dan didenda dengan menggandakan mas kahwin. Namun demikian sekarang adat ini kurang dirujuk lagi kerana tugas ini sudah diambil alih oleh kerajaan (pejabat agama) dengan istilah "khalwat". Hukuman dijatuhkan oleh Buapak kemudian Dato' Lembaga akan menimbangkan sama ada perkara itu benar atau tidak. Dalam adat terdapat 12 jenis perlakuan sumbang, antaranya:
 - Sumbang dalam perjalanan
 - Sumbang dalam percakapan
 - Sumbang dalam duduk dan sebagainya.

3.2.3 Proses Kerjan

Proses kerjan merupakan satu proses yang wajib,

tidak boleh tidak mesti dilakukan. Proses ini mesti dibuat di rumah pesaka ibu iaitu rumah ibu sendiri. Dalam menjalankan proses kerjan ini, perlu diadakan majlis kenduri dengan melakukan penyembelihan binatang empat kaki seperti kerbau atau lembu. Sebelum dijalankan upacara kerjan ini, lima orang buapak akan berunding sama sendiri untuk menetapkan bila acara ini akan dibuat.

Masa hari kerjan, pedang dan keris mesti dicacakkan di halaman rumah, dan payung mesti dikembangkan. Dato' Lem-baga bersiram dan kemudian diarakkan. Kemudian diberikan persalinan khas dan didudukkan di tempat khas yakni di bawah lelangit yang telah siap dipasangkan. Selepas itu, semua buapak tampil ke hadapan dan menyembah satu persatu.

3.3 Adat Istiadat

3.3.1 Perkahwinan

Semasa majlis pertunangan dijalankan perlu disediakan dua bentuk cincin yang mana ini semua adalah sama bagi setiap suku. Jumlah mas kahwin yang perlu disediakan ialah sebanyak RM 60.00 manakala hantaran tidak ditentukan oleh pihak perempuan. Ini adalah terpulang kepada pihak pengantin lelaki. Pihak perempuan akan mengembangkan cincin dengan menjemput semua bapa saudara

termasuk juga orang semenda yang bertujuan untuk melihat cincin pertunangan yakni sama ada setuju atau tidak setuju dengan pihak lelaki. Jika diterima akan cakap terima dengan menentukan tarikh untuk majlis perkahwinan.

Dalam pada itu, kalau pihak lelaki engkar atau membatalkan pertunangan cincin tersebut dikira hangus. Tetapi, jika pihak perempuan yang engkar atau membuat helah terpaksa membayar balik sekali ganda dari segi bayaran atau cincin hantaran. Contohnya, andainya cincin pertunangan dua bentuk akan dibayar empat bentuk atau wang hantaran RM4000.00 akan dibayar sebanyak RM 8000.00 kepada pihak lelaki.

Kalau mengikut adat sebenar, semasa hari perkahwinan, tiang mesti dibalut dengan kain, lelangit perlu dibentangkan, payung mesti dikembangkan, keris, tombak dan bendera perlu dipasang atau dicacakkan di halaman rumah. Andainya anak buah lembaga yang hendak berkahwin itu disebelah pihak perempuan maka buapak akan menjemput pihak pengantin lelaki.

Antara pantang larang yang cukup keras ialah pihak lelaki dilarang melakukan perbuatan sumbang dengan adik

atau kakak ipar (istilah adat ialah beri satu ambil dua). Hukuman yang dikenakan ialah kedua-dua yang melakukan kesalahan itu dimasukkan ke dalam lukah besar yang diperbuat daripada buluh. Kemudian kedua-dua mereka akan dibiarkan tenggelam ke dalam sungai hingga mati. Hukuman ini adalah sama bagi semua suku tetapi tidak pernah dibuat kerana telah diambil alih oleh kerajaan.

Perkahwinan sesama suku tidak digalakkan. Sekiranya ini berlaku denda yang dikenakan ialah dibuang negeri yakni mesti keluar dari daerah. Pasangan atau lebih tepat pihak lelaki atau perempuan boleh kembali ke tempat asal masing-masing dengan syarat hendaklah berpisah dan menyembelih kerbau sebagai membayar denda. Masalah tidak boleh berkahwin sesama suku telah ditentukan oleh adat dan tidak boleh dipertikaikan.

Seseorang juga boleh keluar daripada suku (biasanya pihak lelaki) dengan pelbagai syarat yang telah ditetapkan oleh pihak pentadbir suku. Antaranya ialah dengan membayar RM 14.00 bagi setiap buapak, RM 21.00 kepada Dato' Lembaga dan menyembelih seekor kambing.

3.3.2 Mas Kahwin

Kadar mas kahwin dalam suku Paya Kumbuh berbeza-beza mengikut status dan jenis perkahwinan. Dari segi statusnya ialah sama ada anak dara ataupun janda manakala dari segi jenis perkahwinan ialah sama ada kahwin biasa ataupun kahwin bersalahan. Kadar mas kahwin bagi suku ini dapat dirumuskan seperti di bawah:

Rajah 8: KADAR MAS KAHWIN DALAM SUKU PAYA KUMBUH

PERKARA	STATUS	KADAR (RM)
Kahwin Biasa	Anak Dara	104.00
	Janda	74.00
Kahwin Bersalahan	Anak Dara	400.00
	Janda	300.00

BIBLIOGRAFI

1. A. Samad Idris (1960) : Takhta Kerajaan Negeri Sembilan,
Kuala Lumpur; Utusan Melayu Bhd.
2. _____ (1968) : Negeri Sembilan dan Sejarahnya,
Kuala Lumpur; Utusan Melayu Bhd.
3. _____ dan Rakan-rakan, (1994) : Negeri Sembilan Gemuk
Berpupuk Segar Bersiram; Luak Tanah Mengandung,
Shah Alam; Malindo Printers Sdn. Bhd.
4. Buyong Adil, (1979) : Sejarah Johor, Kuala Lumpur; Dewan
Bahasa dan Pustaka.
5. Harun Che Su (1981) : Geografi Fizikal, Petaling Jaya,
Fajar Bakti Sdn Bhd.
6. Nurhalim Hj. Ibrahim, (1995) : Negeri Yang Sembilan,
Shah Alam; Fajar Bakti Sdn. Bhd.

ORANG SUMBER

Nama Tokoh : Dato' Hj. Idris B. Tain

Jawatan : Dato, Lembaga

Suku : Paya Kumbuh

Luak : Ulu Muar

Gelaran : Dato' Senara Kaya

Nama Tokoh : Dato' Hj. Mohammad B. Said

Jawatan : Buapak

Suku : Biduanda Waris

Luak : Ulu Muar

Gelaran : Dato' Jong Kaya